



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	28/7/2018	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	KATS			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			



**WAN AZIZAH WAN ISMAIL** bersama pengarah-pengarah negeri dalam majlis sambutan Hari Tanah Negara Ke-24 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

## Tambah baik khidmat pentadbiran tanah - TPM

**PUTRAJAYA 27 Julai** - Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail mahu kajian berkaitan pengurusan dan pentadbiran tanah dijalankan berikutan masih banyak cabang pentadbiran tanah boleh diteroka untuk menambah baik sistem perkhidmatan tersebut.

Timbalan Perdana Menteri berkata, antaranya dengan memperkenalkan konsep pelupusan ruang udara (spatium) supaya hak milik ruang dapat dikeluarkan bagi tujuan pembangunan bandar.

"Oleh itu, semua pihak hendaklah meneruskan kajian dan menggubal perundangan berkaitan pentadbiran tanah ke arah pengurusan dan perkhidmatan yang lebih efisien," katanya ketika berucap dalam sambutan Hari Tanah Negara Ke-24 di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Air,

Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa.

Spatium adalah konsep untuk mewujudkan pembangunan bertindih di atas pembangunan sedia ada dan pewujudan pemilikan berlapis di bawah serta di atas permukaan tanah yang bertujuan memenuhi keperluan permintaan tanah yang semakin tinggi.

Wan Azizah berkata, kerajaan juga berhasrat memperkenalkan satu bentuk dokumen hakmilik tanah elektronik dan mewujudkan skim pajakan persendirian untuk membuka lebih banyak potensi pembangunan tanah.

Selain itu tambah beliau, kerajaan sedang mengkaji pindaan ke atas Akta Hak Milik Strata untuk membolehkan pelaksanaan peremajaan bandar.

"Ia bagi menyelesaikan isu kerosakan bandar di bandar-bandar yang telah berusia seperti Kuala Lumpur, Ipoh dan Georgetown.

"Memandangkan kadar urbanisasi meningkat kepada kira-kira 75 peratus sejak 70-an, maka pentadbiran tanah perlu bersedia untuk menampung peningkatan populasi terutama di bandar-bandar," katanya.

Beliau seterusnya berkata, dalam keghairahan mengejar pembangunan negara, aspek pemeliharaan dan pemuliharaan tanah perlu diberi keutamaan terutama melibatkan tanah-tanah berstatus warisan negara.

"Taman Tasik Perdana di Kuala Lumpur, Tanjung Bungah dan Batu Ferringhi di Pulau Pinang serta Kampung Portugis di Melaka perlu dikekalkan untuk warisan akan datang," katanya.